



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

3R: #Kempengadong di Kampung Asajaya Ulu

Disediakan oleh:
Nor Hayati bte Kassim

#KEMPENGADONG merupakan program yang berkonsepkan kitar semula iaitu "reduce, reuse, recycle" di Kampung Asajaya Ulu di daerah Asajaya. Program ini melibatkan seramai 29 orang pelajar dan seorang penasihat daripada kursus kokurikulum Khidmat Masyarakat 2 (HPD233). Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan kitar semula barangan terpakai. Selain itu, program ini dirancang untuk memberi peluang kepada mahasiswa UiTM untuk menzahirkan penghayatan kemahiran insaniah berbentuk kerja-kerja kebajikan kepada penduduk di Kampung Asajaya Ulu, Asajaya.

Pelbagai aktiviti telah berjaya dilaksanakan seperti pameran Recycle, It's Our Future. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya kitar semula bagi mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan bersih. Pertandingan Never Refuse to Reduce pula menguji para peserta untuk berfikir kreatif ke arah inovasi dengan mengubah barangan terpakai kepada barangan baru. Selain itu, permainan dan demonstrasi roket air menggunakan barangan terpakai juga telah dilaksanakan bersama penduduk di Kampung Asajaya Ulu.

Sebanyak 3 kumpulan telah terpilih sebagai pemenang untuk Pertandingan Reka Cipta Never Refuse to Reduce dan 3 lagi kumpulan berjaya membawa pulang hadiah untuk permainan dan kuiz menggunakan barangan terpakai. Selain itu, program ini turut melibatkan penanaman pokok di Dewan Kampung Asajaya sebagai simbolik kempen kitar semula boleh menyelamatkan alam sekitar.

